

Sektor pertanian negara disusun semula supaya lebih komersial

UM 16 SEP 2003

TANAH MERAH 15 Sept.

— Kerajaan akan menyusun semula sektor pertanian negara ini supaya ia menjadi lebih komersial dengan cara mewujudkan ladang-ladang dan syarikat besar bagi meningkatkan pendapatan rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ia akan memastikan waktu bekerja petani, penternak dan nelayan ditetapkan selama lapan jam sehari dan enam hari seminggu seperti kakitangan awam dan swasta, berbanding sekarang yang tidak menentu.

“Kerajaan berhasrat untuk menyusun cara golongan ini bekerja, supaya masa mereka bekerja lebih panjang dan dengan cara yang lebih tersusun menerusi penubuhan ladang pertanian dan penternakan dalam bentuk estet dan syarikat nelayan besar.

“Langkah ini dilakukan kerana kita mendapati golongan tersebut kini bekerja tidak sepenuh masa menyebabkan produktiviti berkurangan,” katanya ketika berucap merasmikan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Kelantan 2003 di Sekolah Menengah Tanah Merah (1) di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, langkah mewujudkan ladang dan syarikat besar bagi meningkatkan produktiviti akan membolehkan kos dikurangkan.

“Kita kini tidak dapat bersaing dengan hasil pertanian negara jiran termasuk beras dari Thailand yang dijual dengan harga murah kerana upah buruh yang sedikit,” katanya.

Menurut beliau, dengan adanya ladang besar di antara 40 hingga 400 hektar, para petani boleh mempelbagaikan tanaman.

“Kita boleh tanam banyak jenis tanaman dan kalau padi tidak dapat mendatangkan hasil memuaskannya ia boleh dibantu oleh tanaman lain,” ujarnya.

Dr. Mahathir berkata,

langkah menubuhkan ladang dan syarikat besar akan dapat menarik minat anak-anak petani yang kini tidak berminat.

“Untuk menguruskan ladang lebih besar kita perlukan orang yang cekap dan Alhamdulillah anak kita semua sudah pandai mereka boleh bantu untuk menjadi pengurus ladang dan syarikat,” jelasnya.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berkata, para petani, penternak dan nelayan juga disaran terlibat dalam program satu kampung satu industri.

“Kita melakukan pelbagai langkah membantu golongan ini kerana tidak mahu mereka terus miskin dan ketinggalan daripada arus pembangunan negara,” katanya.